



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
26 April 2019**

### **MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2019 CATAT 163,000 PENGUNJUNG**

*Tekankan mesej tingkatan tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia*

**SUNGAI PETANI, 26 April 2019** – Program Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2019 oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang telah berlangsung selama seminggu, telah mencatat 163,000 pengunjung sepanjang penganjurannya. Pameran tersebut telah menyediakan pelbagai program dan aktiviti interaktif bertujuan untuk mendidik orang ramai mengenai pelaburan serta meningkatkan tahap literasi kewangan mereka, telah menerima kunjungan daripada warga Sungai Petani, Perlis, Pulau Pinang dan dari jauh.

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, YBhg Dato' Abdul Rahman Ahmad berkata, "Kami berpuas hati dengan sambutan yang positif dan jumlah pengunjung yang memberangsangkan untuk MSAM 2019. Bilangan pengunjung yang tinggi terdiri dari pelbagai segmen masyarakat secara langsung menunjukkan minat rakyat Malaysia terhadap pelaburan peribadi mereka dan kami percaya program serta aktiviti yang telah dianjurkan di MSAM 2019 telah berjaya meningkatkan tahap literasi kewangan mereka."

Aplikasi MyASNB yang telah dilancarkan semasa MSAM 2019 turut diterima dengan baik. Aplikasi baharu tersebut membolehkan pemegang unit mengakses akaun mereka dengan pantas melalui telefon pintar dan turut membolehkan pemegang unit melabur terus dari bank mereka melalui FPX dan memuat turun penyata akaun terperinci. Tambahan lagi, Laman ASNB di MSAM 2019 menyediakan perkhidmatan penuh mirip cawangan ASNB dengan perkhidmatan kaunter lengkap termasuk pendaftaran akaun baharu, taklimat perancangan pelaburan, pengemaskinian akaun ASNB serta pendaftaran portal MyASNB untuk para pengunjung.

Di samping pengetahuan yang dikongsi melalui pelbagai program bual bicara, permainan, aktiviti interaktif dan pameran sepanjang MSAM 2019, hadiah yang menarik juga merupakan tarikan

utama untuk para pengunjung. Pada hari terakhir pameran, tiga hadiah utama e-Peraduan telah diumumkan kepada pemenang. Norasyikin Ahmad, 35 dari Pulau Pinang telah membawa pulang sebuah kereta Ford Ranger 2.2L XLT. Nasir Mohd Noor, 40 dari Kedah pula telah membawa pulang sebuah kereta Toyota Vios 1.5G manakala sebuah motosikal Yamaha R25 menjadi milik Nora Shakila Halim, 32 dari Kedah.

PNB mengucapkan terima kasih kepada warga Sungai Petani, kerajaan negeri Kedah, Pejabat Daerah Kuala Muda, Rakan Korporat MSAM 2019, peserta pameran, agensi kerajaan dan badan kawal selia serta semua yang terlibat untuk usaha dan sokongan berterusan mereka yang telah menyumbang kepada kejayaan penganjuran MSAM 2019.

MSAM 2019 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menerusi perutusan video khas pada 21 April 2019 di pekarangan Amanjaya Mall, Sungai Petani. MSAM 2019 telah berlangsung dari 19 hingga 25 April 2019. Turut hadir semasa majlis pelancaran ialah Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri Mukhriz Tun Mahathir; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali; Pengerusi Kumpulan PNB, YBhg Tan Sri Dr. Zeti Aziz dan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, YBhg Dato' Abdul Rahman Ahmad.

*-Tamat-*

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM298 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara. Dengan pelancaran dua unit amanah harga berubah baharu pada September 2018, ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah dengan lebih 236 bilion Unit dalam Edaran (UIC) dan 13.8 juta akaun. Untuk maklumat lanjut layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**